

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5 October 2015



**LABIS4 Okt.** - Bajet 2016 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 23 Oktober ini dijangka memberi penekanan terhadap usaha mengurangkan beban rakyat berikutan kejatuhan nilai ringgit serta harga pasaran komoditi ketika ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong berkata, kerajaan turut melaksanakan pelbagai langkah bagi memasti kadar pertumbuhan ekonomi negara dapat terus berkembang pada tahun depan di samping melaksanakan pelbagai usaha membantu industri kecil dan sederhana (IKS) supaya dapat terus bertahan menghadapi cabaran ekonomi semasa.

"Ketika ini kerajaan telahpun mula melaksanakan pelbagai langkah seperti menggalakkan usahawan IKS untuk menstruktur semula pinjaman mereka jika perlu dan mewujudkan skim jaminan sebanyak **RM2** bilion bagi bulan September dan sejumlah **RM5** bilion bagi IKS dalam sektor perkhidmatan pada tahun ini yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.

"Skimjaminan ini bertujuan membantu usahawan IKS terutamanya yang berdepan masalah jaminan, sekali gus dapat membantu mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti tahun **2009** apabila skim ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada usahawan IKS ketika itu," katanya dekat sini semalam.